

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 18 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23291

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan syarikat insurans bertanggungjawab atas polisi yang dikeluarkan dan tidak menggunakan pelbagai helah enggan membayar pampasan apabila berlakunya sesuatu musibah termasuk menggunakan peruntukan klausa pengecualian (*exclusion clause*) hinggalah tujuan pembelian insurans dinafikan.

2. PR-1531-L24293

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasrat bagi membuat penelitian dan kawalan terhadap silibus mata pelajaran yang mengganggu mata pelajaran akademik sehingga mengganggu perancangan guru untuk melaksanakan PnP.

3. PR-1531-L23232

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bila kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sempadan Ba' Kelalan, Lawas dan Krayan Indonesia dapat beroperasi.

4. PR-1531-L23934

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi mengatasi masalah banjir yang melanda di Kuala Terengganu yang menyebabkan kemusnahan kepada harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat.

5. PR-1531-L23627
Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk melestarikan perpaduan melalui KRT dan program-program Kementerian serta jumlah peruntukan bagi tahun 2024 bagi Kawasan Parlimen Segamat.
6. PR-1531-L24225
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mengembalikan semula kalendar persekolahan sebagaimana terdahulu yang bermula sesi baru Januari sehingga Disember.
7. PR-1531-L23333
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah kaedah yang akan digunakan Kerajaan dalam memperkenalkan skim subsidi bersasar agar semua subsidi Kerajaan tidak akan 'tersasar' sama seperti mana minyak masak bersubsidi kita yang selalu ditemui 'laluannya' bolos seperti ke Thailand dan Filipina pada ketika ini.
8. PR-1531-L23928
Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status terkini pelaksanaan perdagangan karbon di Malaysia seperti yang telah dipelopori oleh Sarawak dan Sabah. Apakah hala tuju dasar karbon kebangsaan.
9. PR-1531-L23258
Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu peningkatan kadar penarikan balik kertas kerja akademik yang tinggi. Bagaimanakah Kementerian berencana meningkatkan kualiti penyelidikan akademik untuk mengelakkan isu seperti jurnal tentang Jong Melayu (UPM) daripada berulang lagi.
10. PR-1531-L24033
Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang dilakukan bagi memantau bahan penerbitan, buku ataupun bahan bacaan supaya bebas daripada unsur lucah, tidak bermoral dan boleh merosakkan akidah umat Islam kepada para pembaca terutamanya golongan remaja.

11. PR-1531-L23277

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan unjuran peningkatan keperluan tenaga bagi menampung permintaan industri serta pengangkutan elektrik. Adakah Kerajaan bersedia memberi peluang kepada syarikat lain untuk terlibat dalam sektor tenaga agar rizab tenaga negara ditingkatkan.

12. PR-1531-L24217

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar dan usaha Kerajaan untuk mengurangkan peratusan hutang isi rumah.

13. PR-1531-L22967

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) status pembukaan sekolah bagi SJKC Phoi Choi, Bukit Indah, Johor; dan

(b) berapa jumlah murid yang bakal diterima di sekolah tersebut.

14. PR-1531-L23787

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian untuk membantu dan menggalakkan keusahawanan menerusi tawaran geran dan pinjaman perniagaan mikro kepada golongan anak muda dan wanita untuk menjana pendapatan harian.

15. PR-1531-L23483

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar mahasiswa dituduh di bawah AUKU sejak tahun 2018-2023.

16. PR-1531-L24256

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawli [Tumpat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah skim dan tangga gaji yang diguna pakai kepada pegawai penjara setara dan berkadar dengan anggota dan pasukan beruniform yang lain memandangkan beban dan risiko berganda yang ditanggung oleh mereka dalam kerja harian, dan bilakah kali terakhir ianya disemak.

17. PR-1531-L24188
Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah impak dan kesan penurunan nilai mata wang Ringgit sepanjang tahun terhadap prestasi ekonomi negara khususnya pendapatan isi rumah dan sektor pengilang.
18. PR-1531-L24232
Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah permohonan pertukaran guru yang diterima dan jumlah permohonan yang diluluskan setiap tahun bermula 2017 sehingga 2023. Adakah penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam proses pertukaran guru sepanjang tahun 2020 sehingga 2022 diteruskan sehingga ke hari ini. Apakah terdapat pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan sejak 2023.
19. PR-1531-L23464
Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam mengatasi isu masalah banjir di Beaufort Sabah.
20. PR-1531-L24148
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian agar kertas kajian yang dikeluarkan oleh para siswazah PhD digunapakai dan disalurkan kepada industri yang sepatutnya.
21. PR-1531-L23246
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengemukakan permohonan ekstradisi ke atas Sirul Azhar Umar dari Australia memandangkan hukuman mati mandatori telah dimansuhkan pada bulan Julai 2023.
22. PR-1531-L24374
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai universiti-universiti tempatan dan kolej-kolej teknikal yang menawarkan kursus kejuruteraan dan statistik graduan kejuruteraan yang masih menganggur selepas tamat pengajian dan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat lambakan pekerja asing di Malaysia sedangkan ramai rakyat Malaysia termasuk graduan universiti yang masih menganggur.

23. PR-1531-L22727

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah atau strategi yang disediakan oleh Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan penjagaan warga emas lebih mudah diakses dari segi kewangan kepada segmen penduduk yang lebih luas, memastikan warga emas dan keluarga mereka mampu membayar penjagaan yang mereka perlukan.

24. PR-1531-L23785

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah drastik yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan peluang kepada pelajar kaum India bagi melanjutkan pengajian ke peringkat TVET.

25. PR-1531-L23281

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dari tahun 2022 ke arah menjadikan ekonomi negara neutral karbon.

26. PR-1531-L24309

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah peratusan kes jenayah yang melibatkan kes bunuh diri, kes buli dan kes seksual termasuk jenayah liwat dalam tahun 2020 sehingga tahun 2023 serta apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membendung gejala ini.

27. PR-1531-L23484

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah persatuan-persatuan mahasiswa contohnya Persatuan Kebajikan Anak Pahang atau Persatuan Bahasa Cina di IPTA dibenarkan membuka akaun bank sendiri di bank yang sejajar dengan keinginan autonomi diturunkan kepada mahasiswa yang sentiasa ditegaskan oleh Kementerian.

28. PR-1531-L24085

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan perancangan khusus Kementerian dalam memperkasa pembangunan sosioekonomi masyarakat India ekoran langkah meletakkan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) di bawah Kementerian Perpaduan Negara termasuk kaedah operasi pengagihan dana supaya ia dapat disalurkan secara berkesan kepada komuniti kaum India.

29. PR-1531-L22969

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) usaha-usaha KPM dalam memperkembangkan Kelas Pendidikan Khas untuk menampung keperluan yang semakin meningkat; dan
- (b) usaha-usaha KPM dalam memperkembangkan kelas prasekolah KPM untuk menampung keperluan yang semakin meningkat.

30. PR-1531-L23831

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah konkrit yang diambil oleh kepimpinan negara dalam kerangka Ekonomi Madani bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing nilai mata wang Ringgit yang merosot sehingga mencecah ke paras terendah dalam sejarah, sepanjang tempoh 2023 dan permulaan 2024.

31. PR-1531-L24199

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai Cukai Barangan Mewah ke atas barangan kemas untuk nilai cukai bagi setiap RM10,000 dan bagaimana ia memberi kesan kepada golongan M40 dan ke bawah.

32. PR-1531-L23242

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak dasar kecualian visa dilaksanakan pada Disember 2023 jumlah rakyat China yang telah melawat Malaysia dan jumlah rakyat Malaysia yang telah melawat negara China pada bulan Disember 2023, Januari 2024, dan Februari 2024 serta angka yang sama untuk bulan yang sama dalam tahun 2021 dan 2022.

33. PR-1531-L24292

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasrat Kementerian bagi menyemak semula syarat dan prosedur lantikan jawatan di sekolah seperti pengetua, guru-guru penolong kanan dan lain-lain supaya lantikan bukanlah atas dasar adik-beradik mahupun kroni.

34. PR-1531-L23210

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan untuk memperkemas sistem pemberian visa dan pas masuk warga asing terutama pekerja yang didapati merumit dan menyusahkan orang ramai.

35. PR-1531-L24157

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan dalam mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan kemasukan warga asing ke negara Malaysia terutamanya daripada sudut majikan yang tidak bertanggungjawab menghantar pekerja asing pulang setelah tamat permitnya dan juga entiti yang meluluskan kad pengenalan warganegara kepada mereka yang bukan warganegara.

36. PR-1531-L23321

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) jumlah tanggungan kewangan yang perlu dibayar oleh Sabah bagi proses penyerahan kuasa pembekalan elektrik Sabah dan SESB bagi kedua-dua fasa yang dijangka selesai pada tahun 2030; dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan melalui Tenaga Nasional Berhad bercadang untuk menyerap semua hutang sebelum penyerahan SESB dapat dilaksanakan.

37. PR-1531-L24230

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah subsidi bersasar akan dilaksanakan memandangkan perkara berkaitan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 November 2022. Adakah Kerajaan menjangka bahawa pelaksanaan subsidi bersasar akan membawa kepada kenaikan kadar inflasi.

38. PR-1531-L22982

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru-guru pemulihan khas dan apakah jumlahnya mencukupi dengan nisbah pelajar di sekolah.

39. PR-1531-L24138

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kerajaan bagi menangani masalah sosial di kalangan remaja yang semakin parah dalam negara dan usaha mengatasinya.

40. PR-1531-L23907

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah bagi pemberian pampasan berjumlah RM100 juta kepada Kerajaan Negeri Kedah atas usaha memelihara kelestarian Hutan Simpan Ulu Muda.

41. PR-1531-L23198

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula sekolah, terutama sekolah yang kekurangan pelajar supaya boleh memaksimumkan penggunaan tenaga pengajar dan mengurangkan kos pengurusan.

42. PR-1531-L23886

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif pembaharuan Kementerian dalam menangani peratusan rendah dalam kalangan pelajar menengah atas yang menyertai aliran STEM mengambil kira penurunan kadar penyertaan STEM antara tahun 2017 hingga 2022.

43. PR-1531-L24047

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar yang akan menikmati pembinaan asrama kampus berdasarkan pembentangan Belanjawan 2024.

44. PR-1531-L23344

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan segera untuk meningkatkan penjanaan kuasa di Sabah supaya catuan elektrik setiap hari di Sabah pada waktu ini dapat dihentikan; dan
- (b) apakah langkah diambil oleh Kementerian untuk memastikan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dapat mengekalkan operasi sendiri pada masa akan datang.

45. PR-1531-L23776

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambahbaik Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (IPCC) memandangkan Akta tersebut bukannya efektif untuk menangani aduan-aduan terhadap polis. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

46. PR-1531-L23191

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan MOU antara TNB, PLN dan ACE (Dasar Asian Power Grid) dalam usaha meningkatkan daya tahan tenaga, keterjaminan bekalan serta menggalakkan penyepaduan tenaga boleh baru.

47. PR-1531-L23871

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kelemahan sistem pengurusan pekerja asing sedia ada yang telah dikenal pasti dan inisiatif pihak Kerajaan untuk menguruskan proses kemasukan pekerja asing dengan lebih cekap termasuk mempertimbangkan pendigitalan sepenuhnya perkhidmatan pengurusan pekerja asing yang masuk bekerja di Malaysia.

48. PR-1531-L23481

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan huraian kerangka dasar dan mekanisme pelaksanaan pasaran tenaga (energy exchange) serta kesan terhadap keterjaminan bekalan tenaga boleh baharu (TBB) di Malaysia.

49. PR-1531-L24027

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang boleh dibuat oleh Kementerian untuk membantu dan memastikan semua pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) diberi penempatan di sekolah kerana sehingga kini terdapat 4,390 lepasan ISMP dari tahun 2011 hingga 2020 yang masih belum mendapat penempatan.

50. PR-1531-L23142

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah subsidi yang telah dibelanjakan pada 2023 bagi diesel, RON95 dan gas mengikut pecahan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

51. PR-1531-L23016

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) kaedah yang digunapakai Kementerian dalam memastikan ketelusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang diberikan oleh guru- guru kepada murid sekolah; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengembalikan semula Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

52. PR-1531-L(5)00215

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah laporan mengenai kes-kes penipuan dalam talian yang telah diterima oleh PDRM pada tahun 2023. Berapa banyak kes daripada itu telah berjaya diselesaikan dan barangan yang dicuri telah dikembalikan kepada mangsa.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

53. PR-1531-L23010

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk memastikan murid-murid sekolah dilindungi daripada pengaruh media sosial hingga menyebabkan penurunan minat untuk belajar dan sikap tidak ambil peduli terhadap ujian dan penilaian di sekolah.

54. PR-1531-L24325

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah dan kadar terkini pelancong asing di kalangan warga China dan India yang tinggal lebih masa dan gagal meninggalkan negara ini setelah visa mereka tamat; dan
- (b) usaha Kerajaan dalam memastikan golongan ini tidak memanipulasi kelompongan penguatkuasaan undang-undang sehingga berjaya memiliki kewarganegaraan.

55. PR-1531-L23247

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang isi rumah agregat negara (*country's aggregate household debt*) bagi tahun 2018 sehingga 2023.

56. PR-1531-L23448

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah solusi dan tindakan Kementerian bagi membantu pengguna mendapat bekalan air bersih memandangkan kos pemasangan meter adalah dalam lingkungan RM1500 ke RM2000 bagi setiap 1 meter yang dikenakan pada pengguna.

57. PR-1531-L23770

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau sekurang-kurangnya meminda Akta-Akta tersebut bagi tujuan penambahbaikan. Sekiranya tidak, sila nyatakan alasan-alasannya.

58. PR-1531-L24145

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) bekalan kemudahan asas dan kebajikan mangsa bencana khasnya di awal proses pemindahan; dan
- (b) insurans atau perlindungan PERKESO kepada Sukarelawan JKM yang bertugas selain Program Khidmat Bantu di Rumah seperti bertugas di pusat pemindahan bencana.

59. PR-1531-L22816

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana kajian dan kaedah cadangan pembinaan *Underground Dam*. Negara manakah pembinaan kaedah ini dirujuk.

60. PR-1531-L24258

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawawi [Tumpat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kompleks ICQS di Pengkalan Kubor akan dinaik taraf bagi kelinciran pentadbiran dan kepuasan pelancong dan pelanggan yang berurusan di pintu masuk berkenaan.

61. PR-1531-L23011
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah faktor penurunan prestasi murid- murid Malaysia dalam ujian PISA sebanyak 6.26% dari 431 (2018) kepada 404 (2022) iaitu terburuk dalam kalangan negara jiran seperti Kemboja yang menunjukkan peningkatan PISA 2022 dalam keadaan tempoh penutupan sekolah di Malaysia lebih singkat iaitu 174 hari berbanding Kemboja yang ditutup sekolah selama 250 hari.
62. PR-1531-L23638
Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan filem dan drama di televisyen sebagai medium merapatkan integrasi antara kaum dengan menyediakan dana khas bagi penghasilan filem-filem berkualiti tinggi dengan genre tersebut termasuk filem-filem epik sejarah tempatan.
63. PR-1531-L24008
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha rentas Kementerian yang telah dijalankan sebagai persediaan menghadapi perubahan iklim terutama dalam menjamin keterjaminan makanan.
64. PR-1531-L23642
Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah dan usaha Kerajaan bagi menjalankan hukuman sebat di khalayak ramai kepada pesalah pengedaran dadah sebagai ganti kepada hukuman mati mandatori yang telah dimansuhkan dengan maksud untuk memberi kesedaran dan rasa jera kepada rakyat yang menontonnya.
65. PR-1531-L24133
Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab penyusutan nilai ringgit dan kesan kepada negara.
66. PR-1531-L22730
Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
(a) apakah dasar dan peruntukan semasa untuk universiti awam menerima dan menyokong kanak-kanak genius, terutamanya mereka yang mempunyai IQ yang sangat tinggi; dan

- (b) adakah terdapat inisiatif sedang dijalankan untuk menggalakkan dan memupuk kanak-kanak berbakat ini dalam sistem pendidikan dalam negara kita.

67. PR-1531-L24007

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan strategi Kementerian bagi menangani isu keruntuhan moral dan akhlak murid yang berlaku di sekolah-sekolah asrama.

68. PR-1531-L23988

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan terhadap warga asing yang menjadi pengusaha-pengusaha perniagaan runcit yang dimiliki oleh bukan warganegara yang semakin membimbangkan masyarakat seperti yang tular di media sosial di Kuala Lumpur dan seluruh negara.

69. PR-1531-L23829

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menangani secara holistik isu kejatuhan Ringgit dan apakah kesan kepada urusan niaga import yang menyebabkan kenaikan harga barangan kepada pengguna.

70. PR-1531-L23190

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesediaan Kerajaan menswastakan pengurusan Bangunan Sultan Iskandar dan Bangunan Sultan Abu Bakar kepada entiti korporat atau sesebuah lembaga bagi melancarkan urusan penyelenggaraan serta pengurusan bangunan tanpa membebankan jabatan Kerajaan.

71. PR-1531-L23957

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian untuk menilai semula program-program yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti agar lebih terkini, kompetitif dan sesuai dengan keperluan semasa.

72. PR-1531-L23753

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan Jabatan Kebajikan Masyarakat keberkesanan langkah-langkah sedia ada bagi mengatasi banjiriran golongan peminta sedekah/pengemis di sekitar Kuala Lumpur.

73. PR-1531-L24211

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Bank Negara Malaysia dalam memastikan penutupan premis bank mematuhi prosedur dan mengambil kira kebajikan pekerja seperti isu penutupan Standard Chartered Bank Alor Setar yang akan berpindah ke Seberang Prai, Pulau Pinang.

74. PR-1531-L23904

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan membuat penstrukturan semula subsidi petrol dengan mensasarkan penjimatan tersebut ke arah pengurangan kemiskinan negara yang dijangka mampu memberikan tambahan sehingga 1.6% kepada penjimatan fisikal negara.

75. PR-1531-L23231

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Jabatan Pendaftaran Lawas dapat diberi kebenaran dan kemudahan untuk mengeluarkan Kad Pengenalan (MyKad).

76. PR-1531-L23992

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan jangka panjang bagi menangani masalah kekurangan aset bersaiz besar berketahanan tinggi yang dihadapi APMN yang menjadi kekangan agensi tersebut membanteras kegiatan bot nelayan asing (BNA) di Zon Ekonomi Eksklusif dengan efektif.

77. PR-1531-L23265

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah penempatan guru baharu di Sarawak yang terkini dan berapakah lagi jumlah kekosongan guru di Sarawak setakat ini. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru di Sarawak yang sangat kritikal sekarang ini.

78. PR-1531-L24187

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah saman akibat kesalahan jalan raya sepanjang tahun 2022 dan 2023 dan ke manakah wang kutipan hasil saman ini disalurkan.

79. PR-1531-L23196

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digunakan oleh pihak PDRM dalam menjalankan sekatan jalan raya dan apakah jaminan bahawa operasi sekatan jalan raya ini tidak akan menyebabkan kesesakan trafik yang panjang.

80. PR-1531-L24018

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian dan komitmen Kerajaan dalam memastikan negeri pengeluar minyak seperti Terengganu dan Kelantan menerima bayaran khas petroleum seperti yang diterima sebelum ini.

81. PR-1531-L23202

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana operasi bersepadu pembersihan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di ibu negara Kuala Lumpur berjaya dilaksanakan sepenuhnya selama ini tanpa meninggalkan saki-baki mereka.

82. PR-1531-L23032

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan sekolah-sekolah daif terutamanya di dalam kawasan Parlimen Kinabatangan dapat dinaik taraf agar sesi pembelajaran dapat berjalan secara lebih kondusif.

83. PR-1531-L24194

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian dalam usaha meningkatkan akses pendidikan dalam kalangan masyarakat India khususnya dalam aspek penyelenggaraan dan pengurusan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

84. PR-1531-L23290

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang telah diluluskan di Tawau dan Kalabakan serta seberapa kerap program MEKAR JPN dilaksanakan melibatkan kawasan pedalaman dan kepulauan di Sabah memandangkan akses darjah ketersampaian yang terhad melibatkan penduduk di kawasan ini.

85. PR-1531-L23162

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik Minggu Solidariti Palestin, terutamanya jumlah sekolah yang menyertai, implikasi kewangan, hasil program tersebut, dan perkara-perkara yang boleh diperbaiki pada masa hadapan.

86. PR-1531-L23478

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah strategi Kementerian bagi memastikan agar Projek D44 Rangkaian Pembetungan Bunus Kuala Lumpur dapat disiapkan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk membantu projek-projek di bawah Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) yang berstatus sakit dan terbengkalai termasuklah dari segi bantuan kewangan.

87. PR-1531-L23178

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan menyemak dan memperkasa Akta 213: Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (pindaan 1995) agar DBP mempunyai taring seperti mana dimiliki PBT dalam memartabatkan Bahasa Malaysia berikutan berleluasanya anasir perosak bahasa dalam pelbagai bentuk dan oleh pelbagai pihak mutakhir ini.

88. PR-1531-L23750

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar bagi memastikan kanak-kanak yang ditempatkan di Baitul Mahabbah tidak dipisahkan daripada ahli keluarga mereka yang ditahan di pusat tahanan Imigresen, tidak dihantar pulang secara paksa ke negara asal mereka atau ditahan selama-lamanya di Baitul Mahabbah.

89. PR-1531-L22809

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan rancangan berkenaan dengan elektrik yang dihasilkan oleh *combined cycle gas turbine power plant* di Maharani Energy Gateway (MEG). Adakah ia akan digunakan sendiri (SELCO), dijual kepada TNB melalui *power purchase agreement* (PPA), ataupun dijual ke *Single Buyer* melalui *New Enhanced Dispatch Arrangement*.

90. PR-1531-L23174

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan atau meminda Akta Hasutan dan menggantikannya dengan undang-undang lain yang dapat mengimbangi kebebasan bersuara dengan keperluan melindungi ketenteraman awam.

91. PR-1531-L24317

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam memberikan kesedaran berkaitan perwarisan dan tuntutan harta pusaka kepada masyarakat dan usaha agensi Kerajaan dalam mengurangkan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut.

92. PR-1531-L23461

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memperkasa ekonomi Islam dalam sektor kewangan Islam, makanan halal dan prospek jangka masa panjang dalam menjadikan Malaysia sebagai negara utama hub ekonomi Islam di dunia seperti laporan State of The Global Islamic Economy (SGIE) edisi 2023/2024.

93. PR-1531-L23495

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah terperinci Kerajaan dalam menangani kemerosotan dan ketidakstabilan nilai ringgit yang menjunam ke paras terendah dalam 26 tahun, mencecah 4.748 berbanding Dolar Amerika Syarikat serta paras harian terendah 3.534 berbanding Dolar Singapura setakat 5 Februari lalu.

94. PR-1531-L24200

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini kes siasatan ucapan YB Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan, yang mendakwa gelombang hijau bakal memusnahkan tokong dan menafikan hak agama di Pulau Pinang di dalam satu program di Pulau Pinang dan penjelasan sama ada ia dibawa ke peringkat pendakwaan kerana melibatkan kesalahan berkaitan dengan 3R.

95. PR-1531-L23189

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan menyemak dan merombak secara dasar pemberian peruntukan MARRIS untuk penyelenggaraan jalan-jalan negeri, boleh dikira sebagai satu bentuk subsidi Kerajaan Pusat sedangkan pembaikpulihan atau penaiktarafan jalan-jalan yang sudah tamat jangka hayat dilihat sebagai pembaziran besar malah sia-sia .

96. PR-1531-L22883

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk memperluaskan cakupan program subsidi bersasar untuk secara lebih berkesan merangkumi golongan M40, terutamanya mereka yang tinggal di bandar dan apakah langkah-langkah spesifik yang akan diambil untuk memastikan bahawa golongan ini juga mendapat manfaat daripada program subsidi tersebut.

97. PR-1531-L24364

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah drastik yang telah dibuat pihak Kerajaan berkenaan mata wang ringgit merosot berbanding dengan nilai mata wang negara-negara berhampiran dengan Malaysia.

98. PR-1531-L24244

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemungkinan terdapat implikasi yang tidak diinginkan apabila subsidi bersasar diperkenalkan seperti *artificial demand* dan *overconsumption*.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Dalam Negeri**

- * Rang Undang-Undang Polis (Pindaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 2. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 4/2024) | Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini, mengikut subsekyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga belas juta empat ratus sebelas ribu tiga ratus sembilan puluh ringgit (RM6,013,411,390) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 4. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 5. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |

7. (D.R 5/2024) Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :

“BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subsekyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subsekyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion lima ratus enam puluh satu juta enam ratus enam belas ribu tiga ratus ringgit (RM6,561,616,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2024, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.”

8. (D.R 2/2024) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

9. (D.R 3/2024) Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 "

[Menteri Kewangan]

10. (D.R 1/2024) Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 "

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu

dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

15. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

16. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara."

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

17. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

19. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

20. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

21. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

22. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

23. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

25. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR. 3	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai UiTM Holdings Sdn. Bhd. di bawah Universiti Teknologi Mara dan Kementerian Pendidikan Tinggi	18 Mac 2024
ST. 15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST. 34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024
ST. 41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO) Bagi Tahun 2022	18 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
18.03.2024 (Isnin)	1. YB Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)	1. ' <i>Lemon Law</i> ' sebagai Perlindungan untuk Pembeli Kereta 2. Menangani Insiden Kebakaran di Kawasan Parlimen Bangi	1. YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 2. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
	2. YB Puan Hajah Salmiah binti Mohd Nor (Temerloh)	3. Isu Tanah Runtuh dan Mendap di Temerloh 4. Naik Taraf Klinik Kesihatan di Temerloh	3. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 4. YB Menteri Kesihatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**